

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH
BINTI DATUK SERI PANGLIMA
HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

SOALAN

**DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]** minta **KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**
menyatakan selaras dengan peralihan negara ke arah low-carbon nation:

(a) statistik penjualan kereta elektrik terkini; dan

(b) inisiatif Kementerian bagi menggalakkan lebih banyak kereta elektrik
dibeli.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kenderaan elektrik (EV) diramalkan menjadi arus perdana untuk pengangkutan darat selaras dengan aspirasi global untuk memelihara alam sekitar dan mengurangkan pelepasan karbon yang mencemarkan udara.

Bagaimanapun, buat masa ini, penembusan EV dalam pasaran kenderaan secara keseluruhannya masih rendah, termasuk di peringkat global dan ASEAN. Sebagai contoh, bahagian jualan kenderaan penumpang EV di rantau ASEAN adalah di bawah 1% daripada jumlah

jualan kenderaan di ASEAN. Ini berkemungkinan disebabkan oleh beberapa faktor termasuk kematangan teknologi yang masih belum optimum, kekurangan infrastruktur sokongan, kos teknologi yang tinggi dan penerimaan pasaran yang rendah.

Berdasarkan data yang diterima daripada syarikat pengeluar kenderaan (OEM), sejak tahun 2015 sehingga September 2021, sebanyak 1,558 unit EV telah dijual merangkumi kenderaan penumpang, perdagangan dan motosikal. Bagi tempoh Januari sehingga September 2021, sebanyak 162 unit EV telah dijual pada tempoh tersebut.

Bagi menggalakkan pelaburan serta merencanakan lagi pembangunan ekosistem EV, Kerajaan akan terus menawarkan insentif bagi aktiviti pemasangan atau pengilangan tempatan kenderaan EV. Pada masa ini, insentif yang diberi kepada industri pengeluaran kenderaan EV dan komponen yang berkaitan adalah dalam bentuk *Customised Incentives* yang merangkumi pengecualian cukai langsung dan tidak langsung.

Untuk memastikan Malaysia berupaya meningkatkan daya saing dalam menarik pelaburan serta meningkatkan pembelian EV, Kerajaan turut menawarkan insentif bukan sahaja kepada pengeluar kenderaan dan komponen atau OEM, tetapi juga merangkumi pengguna (*demand side*) secara amnya. Bagi mencapai objektif tersebut, Kerajaan telah mengumumkan pakej insentif menyeluruh di bawah Belanjawan 2022 termasuk pengecualian cukai jalan sehingga 100% bagi kenderaan EV dan pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM2,500 bagi kos pemasangan, sewaan, pembelian termasuk sewa-beli peralatan atau yuran langganan kemudahan pengecasan EV.

Dengan pengumuman pakej tersebut dan insentif semasa di bawah NAP 2020, ianya diharap dapat meningkatkan lagi penggunaan dan permintaan EV dan seterusnya membantu merealisasikan sasaran bagi Malaysia mencapai pelepasan sifar karbon menjelang tahun 2050 seperti digariskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJAH
AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA
HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) adakah sasaran 80% perkhidmatan Kerajaan dalam talian dapat dicapai menjelang tahun 2025; dan
- (b) apakah langkah Kerajaan dalam menggalakkan orang ramai menggunakan sistem ini berbanding sistem kaunter atau konvensional.

JAWAPAN:

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

1. Kerajaan komited dalam melaksanakan agenda pendigitalan Negara sebagaimana yang telah dirancang dalam Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL). Usaha berterusan sedang dilaksanakan oleh seluruh agensi sektor awam untuk memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan sentiasa berada pada tahap yang terbaik. Dalam MyDIGITAL, Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah dipertanggungjawabkan sebagai peneraju bagi inisiatif **meningkatkan penerimgunaan teknologi digital dan penggunaan peralatan digital untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti**. Inisiatif ini telah dirangka bertujuan untuk memacu transformasi digital sektor awam dengan sasaran pencapaian sebanyak 80% perkhidmatan kerajaan disediakan secara dalam talian dari peringkat awal ke akhir.
2. Untuk memastikan sasaran ini dapat dicapai, MAMPU telah merangka pelan tindakan dan aktiviti jangka masa panjang yang perlu dilaksanakan sehingga tahun 2025. Antara aktiviti yang akan dijalankan setiap tahun adalah seperti sesi libat urus, klinik perkhidmatan, mesyuarat pemantauan dan aktiviti kutipan data. Pelan tindakan dan aktiviti ini dilaksanakan secara bersama dengan seluruh agensi sektor awam di peringkat persekutuan dan negeri mengikut garis masa yang telah ditetapkan sehingga 2025.
3. Sebagai makluman, sehingga 31 Julai 2021, sektor awam telah mencapai sebanyak 57.02% (6,369 daripada 11,169 perkhidmatan yang dilapor) perkhidmatan dalam talian yang disediakan dari peringkat awal ke akhir. Di samping itu, turut dimaklumkan bahawa sehingga 22 Oktober 2021, sebanyak 14 sesi libat urus, 40 sesi klinik dan perbincangan telah selesai dijalankan oleh MAMPU bersama-sama dengan semua agensi sektor awam yang meliputi agensi persekutuan dan negeri.

4. Dalam usaha untuk meningkatkan dan menggalakkan penggunaan perkhidmatan dalam talian oleh rakyat ke arah pengamalan norma baharu, aktiviti promosi perkhidmatan kerajaan adalah amat penting untuk dilaksanakan. Aktiviti promosi ini boleh dilaksanakan secara kolaboratif antara agensi atau secara spesifik di agensi masing-masing supaya rakyat mengetahui perkhidmatan dalam talian yang ditawarkan oleh agensi. Selain kaedah promosi biasa, penggunaan platform elektronik dan media sosial adalah pendekatan terbaik untuk mempromosikan perkhidmatan dalam talian kerajaan. Melalui kaedah ini, kerajaan dapat menyebarkan maklumat tentang perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi sektor awam kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJAH
AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA
HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi meningkatkan lagi mutu sistem penyampaian sektor awam agar lebih responsif serta memenuhi kehendak rakyat dalam persekitaran norma baharu.

JAWAPAN

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

1. Kerajaan komited dalam melaksanakan agenda pendigitalan Negara sebagaimana yang telah dirancang dalam Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL). Usaha berterusan sedang dilaksanakan oleh seluruh agensi sektor awam untuk memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan sentiasa berada pada tahap yang terbaik. Bahkan, usaha mempermudah serta mempercepatkan urusan berkaitan perkhidmatan-perkhidmatan kepada rakyat juga sedang giat diperkasa untuk meningkatkan pencapaian perkhidmatan

2. Dalam konteks ini, instrumen pengurusan bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan merupakan antara preskripsi penting yang telah dibangunkan dan dilaksanakan dalam sistem penawaran perkhidmatan Kerajaan. Sehubungan itu, Kerajaan melalui Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah melaksanakan beberapa korelasi inisiatif pengukuhan kecekapan penjawat awam dan rangka kerja secara sistematik yang akan meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam antaranya:
 - a. **Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja (*Business Process Reengineering - BPR*)** bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan supaya mudah dan cepat kepada rakyat. Melalui inisiatif ini, semakan ke atas proses dan prosedur kerja agensi dilaksanakan bagi mengenal pasti proses dan prosedur kerja yang perlu dipermudah dan ditambah baik. Seterusnya, khidmat nasihat dan rundingan akan diberikan bagi mempermudah dan menambahbaikkan proses dan prosedur yang terlibat bagi memastikan ia cekap dan berkesan.

- b. **Sistem Penyampaian Kerajaan Ke Arah Pengamalan Norma Baharu Pasca Covid-19** dengan memanfaatkan teknologi digital pada masa kini atau mudahnya, perkhidmatan dalam talian sepenuhnya (*end-to-end – E2E*). MAMPU sedang menerajui inisiatif ini dan bagi tempoh dari 31 Julai 2020 sehingga 31 Julai 2021, bilangan perkhidmatan E2E Kerajaan Persekutuan meningkat daripada 2,327 kepada 3,062 manakala Kerajaan Negeri pula meningkat daripada 1,655 kepada 3,307;
 - c. Selain itu, bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, Kerajaan juga telah mengeluarkan **Panduan Pembangunan Pelan Strategik Organisasi Sektor Awam**. Pelan strategik merupakan dokumen yang membolehkan sektor awam merancang rangka kerja secara sistematik. Ia mengandungi strategi, program dan tindakan yang perlu dilaksanakan oleh agensi sektor awam sesuai dengan persekitaran yang dinamik; dan
 - d. Dalam memastikan semua usaha yang dinyatakan di atas tercapai dan dipatuhi, MAMPU juga telah membangunkan **Malaysian Government Performance Index (MyGPI)** yang merangkumi dua (2) elemen penilaian iaitu Pengurusan Organisasi dan Pendigitalan Perkhidmatan sebagai mekanisme mengukur, menilai dan memantau prestasi agensi-agensi sektor awam dalam sistem penyampaian perkhidmatan.
3. Kerajaan sentiasa memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam Malaysia produktif, responsif dan efisien dan ini dapat dibuktikan melalui pencapaian Malaysia dalam **Ease of Doing Business** yang dikeluarkan oleh The World Bank, Malaysia berada di kedudukan ke-12 pada tahun 2020. Malaysia juga adalah negara ke-25 paling berdaya saing di dunia daripada 140 negara yang disenaraikan dalam **World Competitiveness Ranking yang dikeluarkan oleh** World Economic Forum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH
BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD
DUN [BEUFORT]**

SOALAN

**DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEUFORT]** minta **MENTERI
KESIHATAN** menyatakan bagi persediaan menghadapi endemik, adakah
Kementerian membuat kajian berkaitan peratusan rakyat Malaysia
mengamalkan gaya pemakanan dan hidup sihat.

JAWAPAN

Tuan Yang di- Pertua,

1. Data berkaitan peratusan rakyat Malaysia mengamalkan pemakanan dan hidup sihat secara umumnya telah dilaporkan setiap 5 tahun melalui Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) oleh Kementerian Kesihatan yang mana peratusan terkini berkaitan perkara ini telah dilaporkan dalam Tinjauan NHMS 2019.

2. Bagi persediaan menghadapi fasa endemik, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan satu tinjauan dalam talian mulai 5 hingga 11 Oktober 2021 melibatkan 60,818 orang responden. Tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesedaran dan persepsi rakyat dalam aspek tingkah laku kawalan kesihatan sendiri, pematuhan kepada amalan norma baharu dan budaya hidup sihat. Hasil dapatan kajian mendapati kefahaman Keluarga Malaysia mengenai hidup bersama-sama COVID-19 adalah tinggi iaitu sebanyak 95% responden. Persepsi kepentingan untuk terus mengambil langkah pencegahan dalam fasa endemik juga adalah tinggi iaitu:

- (i) 97.8% responden mengamalkan budaya hidup sihat bagi mengukuhkan sistem imun badan melawan penyakit;
- (ii) 96% responden kuarantin diri di rumah jika disahkan positif atau kontak rapat kes positif COVID-19;
- (iii) 95.01% responden melakukan ujian sendiri jika mempunyai gejala COVID-19; dan
- (iv) 95% responden terus mengamalkan amalan norma baharu, kawalan sendiri dan patuhi SOP.

3. Walau bagaimanapun, hampir 60% responden menyatakan mereka BERSEDIA, hampir 30% TIDAK PASTI dan lebih 10% menyatakan TIDAK BERSEDIA untuk hidup bersama-sama COVID-19 dalam fasa endemik. Justeru Kementerian Kesihatan akan terus mempertingkatkan literasi kesihatan untuk memberi kefahaman, mengubah persepsi dan membentuk kemahiran bagi membolehkan Keluarga Malaysia mengambil tindakan mengubah tingkahlaku, bertanggungjawab dalam menguruskan risiko jangkitan, kawalan kesihatan sendiri dan mengamalkan budaya hidup sihat.

4. Di samping itu Kementerian Kesihatan juga sedang melaksanakan satu penilaian ke atas Kempen Media Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) bermula 17 November sehingga 5 Disember 2021. Penilaian ini bertujuan untuk mengukur tahap pendedahan rakyat kepada kempen media berkenaan dan kesedaran rakyat terhadap budaya hidup sihat, kawalan kesihatan sendiri dan menjaga kebersihan persekitaran bagi mencegah penyakit. Hasil dapatan kajian yang lengkap dijangka akan dilaporkan pada penghujung Disember 2021.

5. Kementerian Kesihatan juga merancang untuk mengukur budaya hidup sihat rakyat secara lebih kolektif dan spesifik yang merangkumi amalan hidup aktif, pemakanan sihat, tidak merokok, kesihatan mental dan tidak mengambil alkohol menerusi Indeks Cara Hidup Sihat Malaysia yang akan dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Tingkah Laku Kesihatan (IPTK) pada tahun 2022.

6. Kesemua hasil tinjauan, penilaian dan kajian ini diharap dapat digunakan dalam perancangan pelan promosi kesihatan bagi mendidik dan memperkasa rakyat untuk terus mengamalkan norma baharu, kawalan kesihatan sendiri serta membudayakan hidup sihat dalam fasa endemik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH
BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD
DUN [BEAUFORT]**

SOALAN

**DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]** minta **MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**
menyatakan jumlah aduan yang dilaporkan berkaitan isu kenaikan harga
barang keperluan sepanjang tempoh 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sangat memandang serius ke atas aduan-aduan berkaitan isu kenaikan harga yang dilaporkan oleh pengguna. Segala aduan pengguna akan diteliti bagi mengenalpasti sama ada berlaku kesalahan di bawah bidang kuasa yang dinyatakan dan pihak kementerian akan mengambil tindakan yang tegas terhadap peniaga yang melanggar perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan.

Bermula dari Januari hingga 12 Oktober 2021, Kementerian telah menerima 3,412 aduan melibatkan isu kenaikan harga dimana sebanyak 3051 aduan (89%) diselesaikan dan ditutup, 39 aduan dibawa ke Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, 145 aduan hanya melibatkan pertanyaan atau maklumat tidak lengkap dan 127 lagi adalah diluar bidang kuasa. Daripada keseluruhan aduan diterima, 50 aduan masih dalam siasatan dan di dalam tindakan kementerian.

Daripada aduan kenaikan harga yang diterima ini, tiada kes dihasilkan melibatkan kesalahan Seksyen 14 berhubung mencatat iaitu membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah. Namun begitu sebanyak 39 kes berjaya dihasilkan dengan nilai kompaun keseluruhan bernilai RM13,750.00 melibatkan kesalahan-kesalahan lain di bawah Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011.

Sekian, terima kasih.